

Menangani Cabaran ke Arah Universiti Bertaraf Dunia: Satu Tinjauan

Ab Rahman Kimsin

Dzulkefli Mamat

Mohd. Nasir Muda

Norhayati Mohd. Salleh @ Salih

Wan Hanisah Wan Ismail

Universiti Teknologi MARA (UiTM), Malaysia

Email: hanisah@pahang.uitm.edu

ABSTRAK

Visi dan misi peningkatan Universiti Teknologi MARA ke taraf dunia adalah sejajar dengan perkembangan pendidikan negara yang semakin mencabar. Untuk mencapai visi dan misi ini dalam masa yang singkat memerlukan komitmen yang tinggi bagi menangani cabaran-cabaran yang bakal dilalui. Dengan itu UiTM perlulah mengenal pasti cabaran-cabaran ini dan bersedia dengan strategi-stregegi yang kukuh untuk menghadapinya. Kertas kerja ini cuba membuka minda pembaca mengenai cabaran dalam perkembangan sistem pendidikan negara khususnya UiTM, impak cabaran terhadap universiti dan strategi yang boleh diberi perhatian untuk memertabatkan UiTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia.

Kata Kunci: *Universiti bertaraf dunia, cabaran perkembangan pendidikan, strategi pengukuhan*

Pengenalan

Idea ke arah peningkatan taraf UiTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia merupakan cetusan minda YBhg Datuk Seri Profesor Dr Ibrahim Abu Shah, Naib Canselor UiTM sejajar dengan perkembangan pendidikan negara yang semakin mencabar. Hal ini adalah berkaitan dengan

keupayaan Universiti dalam melahirkan ratusan ribu graduan yang berkecimpung dalam pelbagai sektor dan hierarki pengurusan organisasi.

Walau bagaimanapun bukan mudah bagi pihak Universiti untuk mencapainya dalam masa yang terdekat kerana pelbagai cabaran terpaksa dihadapi dan ditangani, yang memerlukan komitmen tinggi daripada pelbagai lapisan kakitangan dalam organisasi ini. Kertas kerja ini bertujuan untuk meninjau cabaran-cabaran yang dihadapi oleh UiTM dalam usaha merealisasikan matlamat sebagai sebuah universiti bertaraf dunia. Selain dari itu aspek-aspek seperti perlunya organisasi menghadapi cabaran, impak jika organisasi gagal menangani cabaran yang mendatang serta strategi yang perlu dilaksanakan turut dibincangkan.

Cabaran-cabaran yang Dihadapi

Sebagaimana yang dinyatakan dalam isu berkaitan Cabaran Pendidikan Abad Ke-21 (IIQaM : 2004 : Hal. XIII), cabaran-cabaran yang dihadapi adalah seperti berikut:

- i. menyediakan graduan profesional yang berkemahiran, berpengetahuan, berpandangan jauh serta mempunyai daya ketahanan yang tinggi bagi menghadapi dunia persaingan semasa dan akan datang.
- ii. menjadi sebuah universiti unggul bertaraf dunia yang menjadi rujukan penting dalam tamadun ilmu, kesarjanaan dan penyelidikan serantau.
- iii. Usaha memantapkan pendidikan Bumiputera demi memartabatkan kedudukan Bumiputera di persada antarabangsa.

Perlunya Menghadapi Cabaran

Cabaran-cabaran di atas perlu dihadapi dan ditangani dengan berkesan dan penuh kesungguhan sesuai dengan perubahan-perubahan dinamik yang sedang dan akan berlaku dalam bidang pendidikan negara dan antarabangsa. Sehubungan ini pendidikan bukan sahaja menjadi satu keperluan malah ia juga telah menjadi satu bidang yang bersifat komersial yang mempunyai unsur-unsur persaingan yang sangat hebat. Oleh itu aspek-aspek seperti kualiti, 'marketability', kebolehan untuk bersaing dan lain-lain lagi perlu dititik-beratkan bagi menjamin penerusan kewujudan dan mengekalkan keunggulan UiTM dalam arena pendidikan kebangsaan dan antarabangsa.

Impak: Jika Cabaran Gagal Ditangani

Perlu diingat bahawa setiap cabaran yang dihadapi perlu ditangani dengan jayanya kerana sebarang bentuk kegagalan boleh menjejaskan keunggulan UiTM dari aspek-aspek berikut:

- i. imej organisasi – kegagalan pihak Universiti menangani cabaran yang mendatang boleh menjejaskan persepsi orang ramai dan organisasi luar di mana ia boleh menghadkan peluang graduan untuk mendapatkan pekerjaan dalam pasaran guna-tenaga.
- ii. kualiti graduan – kegagalan pihak Universiti menangani cabaran yang sedia ada boleh menghalang graduan dari memiliki kualiti berdaya saing dan berdaya tahan terutama sekali apabila mereka menyertai dunia pekerjaan.
- iii. ‘marketability’ pakej pendidikan yang ditawarkan oleh UiTM – kegagalan pihak Universiti menangani cabaran yang ada juga boleh menjejaskan permintaan orang ramai terhadap pakej pendidikan yang ditawarkan oleh pihak organisasi ini.
- iv. ‘survival’ UiTM sebagai sebuah pusat rujukan pendidikan – kegagalan pihak Universiti menangani cabaran-cabaran tersebut boleh melenyapkan kepercayaan pihak luar serta menggugat kedudukan organisasi ini dari terus menjadi sebuah badan akademik yang disegani dalam bidang-bidang tertentu.

Strategi

Sebagaimana yang telah dinyatakan di atas, cabaran-cabaran yang dihadapi perlu ditangani sebaik mungkin. Di antara strategi yang boleh digunakan adalah seperti berikut:

‘Benchmarking’

Secara ringkasnya ‘benchmarking’ merupakan satu metodologi perbandingan amalan-amalan terbaik untuk dijadikan landasan atau asas dalam jaminan dan pengukuhan kualiti akademik (Hazman Shah 2004). Perbandingan seumpama ini perlu untuk mengukur kedudukan UiTM dalam bidang pendidikan di dalam dan luar negara. Beberapa elemen yang perlu diukur dan dibandingkan adalah seperti pengurusan akademik, bidang-bidang kepakaran, kelayakan tenaga pengajar, pengiktirafan badan profesional (dari segi hubung kait antara program

yang ditawarkan dengan keperluan industri). Aspek lain yang perlu dibandingkan termasuklah proses-proses, piawaiian dan kaedah-kaedah yang terbaik untuk mencapai keunggulan prestasi universiti ini.

Aktiviti Pengukuhan

- i. mewujudkan Jawatankuasa ‘Benchmarking’
- ii. lawatan Ke Universiti-Universiti yang telah diiktiraf sebagai Universiti bertaraf dunia bagi perkongsian pengalaman.

Memantapkan Pasukan Pengurusan Kualiti

Pengurusan kualiti memerlukan satu jentera pelaksana yang mantap dan berwibawa. Dengan adanya pasukan seumpama itu, aktiviti-aktiviti pengukuhan kualiti akademik serta cabaran-cabarannya dapat ditangani dengan berkesan. Dalam konteks ini, peranan dan sokongan padu dari Ketua Pegawai Eksekutif adalah amat diperlukan bagi menjamin kejayaan perlaksanaan aktiviti-aktiviti yang telah disebutkan di atas. Selain daripada itu skop dan bidang tugas pasukan ini mestilah jelas dan difahami oleh semua yang terlibat. Untuk memastikan pasukan ini dapat melaksanakan tugas dengan lebih berkesan, mereka juga perlu didedahkan kepada aktiviti-aktiviti pengurusan kualiti di peringkat antarabangsa melalui lawatan dan pertukaran maklumat dengan institusi-institusi pendidikan yang terkemuka.

Pendidikan dan Latihan untuk Menjamin Kualiti Akademik

Dalam merealisasikan strategi pengukuhan kualiti akademik bagi universiti yang bertaraf dunia, pendidikan dan latihan tenaga akademik adalah merupakan satu keperluan yang amat penting. Tugas menyediakan graduan profesional yang berkemahiran, berpengetahuan, berpandangan jauh serta mempunyai daya ketahanan yang tinggi dan juga berdaya saing perlu diamanahkan kepada tenaga pengajar yang mempunyai kemahiran dan tahap kecekapan menyampaikan ilmu yang tinggi.

Para tenaga pengajar juga perlu dilengkapi dengan ilmu dan kemahiran dalam aspek-aspek kualiti dalam kecemerlangan akademik serta kualiti personal (personal qualities) yang akan diterapkan kepada para pelajar.

Melalui langkah-langkah pengukuhan pendidikan dan latihan staf yang telah digariskan dalam penstrukturan semula UiTM, dua perkara penting perlu diberikan tumpuan iaitu;

- i. Menentukan pendidikan dan latihan adalah berlandaskan kecekapan individu, 'job-related' dan 'market-driven'. Kecekapan individu adalah berkait rapat dengan daya intelek, kebolehan menganalisa, mengenal pasti masalah, dan membuat keputusan.
- ii. Pengetahuan, kesedaran dan kemahiran pensyarah mengenai sistem-sistem kualiti, piawaian, pendekatan, teknik dan jaminan kualiti (Hazman Shah 2004).

Salah satu aspek penting yang perlu ada dalam usaha pendidikan dan latihan tenaga pengajar ialah pendekatan pengajaran-pembelajaran yang mesra dan berorientasikan pelajar. Konsep mesra pelajar sering disalahtafsirkan dengan menyogok pelajar dengan nota dan manual yang lengkap sementara pelajar tidak menggunakan usahanya sendiri untuk mendapat ilmu. Sebaliknya, konsep mesra pelajar bermaksud mempermudah dan memberi ruang yang secukupnya untuk pelajar mencari dan mendapatkan ilmu melalui usahanya sendiri.

Tenaga pengajar perlulah menyediakan platform dan ruang yang seluas-luasnya untuk pelajar mendapatkan ilmu dan pendidikan. Ini memerlukan komitmen dan kesediaan yang tinggi untuk memberi panduan dan tunjuk ajar, bukan hanya melalui syarahan sahaja tetapi dengan mempelbagaikan teknik pengajaran dan pembelajaran. Teknik lain yang boleh digunakan termasuklah kajian kes, projek berkumpulan, simulasi dan tugas bacaan. Di samping meningkatkan daya intelek dan tahap pencapaian akademik para pelajar, kepelbagaian teknik pengajaran-pembelajaran ini dapat mengubah iklim pembelajaran kepada yang lebih menarik dan mencabar.

Aspek kedua yang juga penting dalam usaha pendidikan dan latihan tenaga pengajar ialah kepimpinan akademik dan pengurusan berkualiti di kalangan pensyarah. Pensyarah adalah pemimpin kepada pelajarannya. Mereka juga adalah 'role model' yang menjadi acuan bagi pelajar. Kepimpinan adalah proses mempengaruhi sekumpulan individu untuk bertindak untuk mencapai matlamat tertentu. Untuk merealisasikan proses ini, pensyarah sebagai pemimpin kepada pelajarannya, perlulah pertama sekali menunjukkan peribadi seorang pemimpin seperti personaliti yang baik, amanah, ikhlas, bertimbang rasa, adil dan bijaksana di dalam membuat keputusan.

Ciri-ciri kepimpinan ini boleh dipelajari dan dilatih melalui program latihan staf secara berkala dan mengikut keperluan. Para pensyarah juga harus tahu bagaimana dan bila patut menggunakan autoriti sebagai pemimpin kepada pelajar tanpa menimbulkan tekanan (threat). Ini

memerlukan kebolehan dan pertimbangan yang bijak dari pihak pensyarah itu sendiri.

Aktiviti Pengukuhan

- i. Mewajibkan pensyarah baru menjalani Latihan Industri sebelum disahkan dalam jawatan.
- ii. Mewajibkan semua pelajar dari semua program menjalani Latihan Industri.
- iii. Mengadakan lawatan industri dan jaringan hubungan dengan pihak industri secara berterusan.
- iv. Memudahkan prosedur pertukaran kepakaran di peringkat nasional dan antarabangsa, contohnya 'sabbatical leave' dan 'industrial attachment'.
- v. Mewujudkan panel penasihat dari industri bagi setiap program pengajian.
- vi. Menubuhkan kumpulan audit luaran bagi menilai kualiti kurikulum dan pelaksanaan program akademik supaya ianya sentiasa selaras dengan keperluan industri.

Memastikan Penglibatan Kakitangan dalam Pengukuhan Kualiti Akademik

Kejayaan sesebuah organisasi bukan hanya bergantung kepada kecekapan dan keterampilan para pengurusnya sahaja tetapi dipengaruhi juga oleh penglibatan kakitangan pertengahan dan bawahan. Sehubungan ini jaringan komunikasi yang berkesan antara pihak pengurusan dan kakitangan bawahan adalah perlu di mana proses-proses perancangan dan pembuatan keputusan haruslah melibatkan kedua-dua pihak. Dalam proses perancangan, kakitangan seperti pensyarah perlu dilibatkan dalam aspek penentuan matlamat-matlamat pendidikan dan pengukuhan kualiti pendidikan. Para pensyarah juga boleh dilibatkan dalam proses membuat keputusan khasnya yang berkaitan dengan polisi, hala tuju dan misi universiti. Penglibatan kakitangan seperti yang disebutkan tadi adalah amat penting untuk menjamin komitmen dan sokongan dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengukuhan kualiti akademik.

Kesimpulan

Usaha untuk menjadikan UiTM sebagai sebuah universiti bertaraf dunia memerlukan komitmen menyeluruh. Usaha ini memerlukan pengorbanan dari segi masa, tenaga dan wang yang lebih banyak dari semua pihak yang terlibat, termasuklah pihak pengurusan tertinggi universiti dan semua lapisan kakitangan. Memandangkan kita mempunyai tempoh masa yang agak singkat untuk bertindak, kejayaan usaha dan cita-cita ini amatlah bergantung kepada keupayaan semua warga UiTM menangani cabaran-cabaran yang dihadapi.

Rujukan

- Hazman Shah Abdullah (2004). *Managing Quality*. Modul Kursus Penilaian Tahap Kecekapan: TK5, Hotel Grand BlueWave, Shah Alam.
- ILQam (2004). *Penstrukturan UiTM 2001-2002*, UiTM, Shah Alam.